


Moment memartabatkan Hj Osman Mohammad aktivis seni Brunei



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

VB 4-8-2019 B3
Pameran Moment atau Detik sangat tepat pada tajuk pameran retrospektif seorang pelukis otai atau juga pelukis perintis moden Negara Brunei Darussalam.

Pameran yang berlangsung pada 12 hb. July 2019 itu dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan NBD Major Genrel (B) Dato Paduka Seri Hj Aminullah Ihsan bin PehinOrang Kaya Saiful Mulok dato Seri Paduka Hj Abidin.

Pameran yang mempamerkan hasil karya seorang pengkarya seni visual yang tidak jemu-jemu mengabdikan diri kepada kesenian yang di minati beliau sejak di bangku sekolah lagi. Koleksi yang merentas zaman meliputi selama 50 tahun aktiviti beliau dalam seni visual itu di wakili oleh lebih empat puluh buah karya yang terbaik yang di kumpulkan dari pembeli, pengumpul serta peraih Senilukis yang dari beberapa buah negara termasuk United Kingdom, Singapura dan juga Malaysia.

Sebagai seorang yang mengamati alam semula jadi negara Brunei serta pernah belajar dan menjelajah ke benua Eropah, karya yang di hidangkan dalam pameran Moment itu memperagakan keprihatinan beliau terhadap kehidupan manusia yang pelbagai ragam di setiap negara yang di lalui beliau dalam perjalanan seni semenjak menjadi mahasiswa di Central College of Art sehingga menajwat sebagai Pengarah Radio dan Televisyen Negara Brunei Darussalam.

Keterampilan beliau mengamati bentuk, teknik serta media seni yang berjaya beliau di transformasi ke atas kanvas. Pada mula beliau berkarya di umur yang muda sudah menunjukkan kehebatan bakat anak seni mengangkat keindahan alami dan budaya manusiawi yang dikagumi oleh khalayak.

Umpamanya karya seni lukis genre portrait Ke bawah Duli Baginda Al Sultan Brunei Darussalam sangat memberi impak

kepada khalayak yang merasakan pengolahan figura yang diterjemahkan oleh pelukis sangat mesra kan diri kepada model sedangkan pada masa itu beliau baru berusia tujuh belas tahun.

Seterusnya Hj Osman Muhammad mengasah bakat seni beliau dengan membuat beberapa penerokaan dalam beberapa media seperti catan air dan juga seni arca. Lonjakan kemahiran beliau dalam beberapa genre seni visual mendapat suntikan hasil dari beberapa institusi terutamanya di United Kingdom.

Semasa di luar negara beliau berjaya menambahkan ruang lingkup (*world view*) seni visual yang mutakhir konsep baru yang di raih beliau merujuk kepada aliran kontemporari ketika itu sekitar 1975 yang melanda benua

Eropah dengan aliran Pasca Modernism yang mengangkat kepentingan teknologi dalam senario seni visual justeru itu beliau telah terpilih untuk menghasilkan arca Asean mewakili negara Brunei Darussalam Karya yang tersergam indah adalah hasil sebuah arca *stainless steel* di Canning Garden Singapura dapat di lihat sehingga hari ini. Karya yang di dihasilkan itu di anggap sebuah karya yang ulung menggunakan teknologi serta konsepsi terkini pada tahun 1988.

Penglibatan Hj Osman Muhammad di dalam seni visual bermula di bangku sekolah apabila beliau memenangi beberapa pertandingan peringkat kebangsaan seperti Persatuan Pelukis Brunei setiap tahun bermula pada tahun 1976 sehingga 1988.

Disamping itu beliau juga mengikuti beberapa pameran jemputan luar

“Sebagai seorang yang mengamati alam semula jadi negara Brunei serta pernah belajar dan menjelajah ke benua Eropah, karya yang di hidangkan dalam pameran Moment itu memperagakan keprihatinan beliau terhadap kehidupan manusia yang pelbagai ragam di setiap negara yang di lalui beliau dalam perjalanan seni semenjak menjadi mahasiswa di Central College of Art sehingga menajwat sebagai Pengarah Radio dan Televisyen Negara Brunei Darussalam.



MODEL dan karya oleh Hj Osman.




HJ Osman, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Brunei bersama penulis di Pameran Moment.


negara umpamanya *biennale*, bengkel seni, festival seni lukis, dan juga sangat aktif mempamerkan karya beliau di luar negara seperti Malaysia, Singapura, Indonesia, India, Bangladesh, England, Japan, Korea dan China.

Sejak 2012 atas kesedaran untuk merakamkan kehidupan flora dan fauna beliau terutamanya yang berlaku di negara Brunei bila menghasilkan lakaran serta lukisan secara Plein-air dengan media arang dan catan air maka terkumpul sebilangan karya yang mantap serta memukau ramai khalayak yang juga di pamerkan di dalam pameran Moment ini.

Penglibatan Hj Osman yang begitu komited untuk mengangkat seni lukis tempatan telah di realisasikan oleh beliau dengan penubuhan sebuah galeri studio beliau di Kampung Sengkurong, Brunei bernama Galeri *Creative Spaces*. Tujuan penubuhan galeri persendirian ini adalah hasrat Hj Osman yang ingin menjadikan *Creative Space* sebagai inkubator mendidik



KARYA abstrak Hj Osman.



POTRET anak kecil.

serta menyediakan ruang pameran karya pelukis muda beraliran kontemporari *avant-garde* berinovasi justeru itu terdapat ramai pelukis muda yang telah berjaya mengadakan pameran mereka di situ.

Sehingga kini terdapat lebih kurang lima puluh orang anak muda dan mahasiswa seni visual yang di beri peluang untuk mempamerkan karya mereka di bawah program *Emerge. Emerge*

atau menjelma mendidik pelukis muda menjadi pengamal seni yang dedikasi dan *entrepreneur* agar mereka boleh mandiri apa bila masuk ke pintu gerbang pekerjaan apabila tamat pengajian mereka. Memandangkan galeri seni sangat kurang di negara Brunei maka *Creative Space* sangat di alu-alu kan oleh pelukis muda.

Oleh itu untuk memenuhi pengisian ilmu seni kepada anak muda sumbangan beliau

adalah menjadi tenaga pengajar di Universiti Brunei Darussalam sehingga kini. Bagi membuktikan hasrat beliau dalam senario seni visual, beliau telah menggalakkan anak bongsu melanjutkan pelajaran di New York University.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****

